

Lampiran Penerangan Produk - Insurans Pampasan Pekerja

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Pampasan Pekerja. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.



1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan untuk kecederaan diri akibat kemalangan dan/atau penyakit kepada pekerja Anda, yang berpunca daripada kerja semasa tempoh insurans yang merupakan liabiliti Anda.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Pampasan, di bawah Undang-Undang Pampasan Pekerja Malaysia, untuk kecederaan akibat kemalangan atau penyakit kepada pekerja anda yang berpunca daripada kerja, dan
- Liabiliti Anda di bawah Common Law untuk kecederaan akibat kemalangan atau penyakit kepada pekerja anda yang berpunca daripada kerja.

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Nota: Penerangan mengenai perlindungan yang tersedia hanya sebagai ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lengkap perlindungan/manfaat di bawah Polisi ini.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang Anda harus bayar mungkin berbeza bergantung pada skop dan jenis kerja yang dijalankan oleh pekerja Anda, dan keperluan pengunderaitan kami.

4. Apa yang perlu saya bayar selain daripada Premium?

- Duti setem - RM10
- Cukai (jika dikenakan) - 6% daripada premium
- Komisen yang dibayar (termasuk dalam premium) kepada Perantara Insurans (jika ada) - maksimum sehingga 25% daripada premium.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diambil perhatian?

- Kepentingan pendedahan

Tanggungjawab anda kepada kami untuk Polisi Insurans bukan Pengguna Sekiranya Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, sebelum kontrak Polisi ini dibuat, diubah atau diperbaharui, Anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara yang:

(a) Anda tahu adalah relevan dengan keputusan Kami sama ada menerima risiko atau tidak serta kadar dan syarat yang akan dikenakan; atau

(b) seseorang yang wajar dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara relevan.

- Premium perlu dibayar dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi / pengendorsan / pembaharuan. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, polisi akan dibatalkan secara automatik dan kami berhak menerima premium pro rata untuk tempoh yang dilindungi.
- Sekiranya terdapat kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan, Anda hendaklah memberikan notis bertulis kepada Penanggung Insurans mengenai tuntutan tersebut secepat mungkin setelah anda mengetahuinya.
- Tiada pengakuan boleh dibuat oleh atau bagi pihak Anda terhadap tawaran, janji atau pembayaran tanpa persetujuan Kami.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi liabiliti undang-undang yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- Liabiliti Anda kepada pekerja kontraktor;
- Mana-mana pekerja yang tidak ditakrifkan sebagai “pekerja” dalam takrifan Undang-Undang Pampasan Pekerja Malaysia;
- Apa-apa jumlah yang boleh didapati kembali daripada mana-mana pihak dengan suatu perjanjian antara Anda dengan pihak tersebut;
- Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan, perang saudara, dahagi, pemberontakan, revolusi, penentangan, kuasa tentera atau rampasan kuasa;
- Pengionan, radiasi atau pencemaran oleh radioaktiviti;
- Apa-apa kejadian yang disebabkan oleh bahan senjata nuklear;
- Kematian, kecederaan, bayaran atau perbelanjaan rawatan penyakit oleh pekerja anda yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada HIV (Virus Keimmunodefisienan Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS dan/atau sebarang derivatif atau variasi mutan.

Senarai ini tidak lengkap dan tidak terpakai untuk semua seksyen. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, apa-apa pengembalian premium adalah berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam kontrak polisi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat pertukaran pada butiran hubungan saya?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang apa-apa pertukaran dalam butiran hubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masa.

9. Dari mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Pampasan Pekerja, anda boleh menghubungi perantara insurans anda, atau menghubungi kami di cawangan kami di seluruh negara atau di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
 No. Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)
 Wisma Chubb
 38 Jalan Sultan Ismail
 50250 Kuala Lumpur
 T +6 03 2058 3000
 F +6 03 2058 3333
 E Inquiries.MY@chubb.com
 W www.chubb.com/my

10. Perlindungan insurans serupa lain yang tersedia

Tiada

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INSURANS INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG PERLU DIBAYAR DI BAWAH POLISI INI ADALAH JUMLAH YANG MAMPU ANDA BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANTARA INSURANS ATAU MENGHUBUNGI CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Terma dan syarat tepat yang berkenaan dinyatakan dalam kontrak polisi.

Helaian pendedahan produk ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat pertikaian antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Sila maklum bahawa:

- anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memberikan semua maklumat yang relevan kepada kami atau perantara kami agar kami dapat menyediakan produk kewangan yang paling sesuai kepada anda. Sekiranya anda menyembunyikan sebarang maklumat yang kami atau perantara kami minta, atau memberikan maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai kepada anda untuk memenuhi keperluan anda;
- anda hendaklah membaca dan memahami syarat kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan kami atau perantara kami jika terdapat syarat yang tidak difahami, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda memperakui bahawa perantara atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan kontrak polisi dan syarat-syarat kontrak utama, dan bahawa kontrak polisi yang ditawarkan sesuai untuk keperluan insurans anda.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 15 Oktober 2020.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.